



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor/Pembekal Pembangunan Hutan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Bidang Kod yang berkaitan dan bertaraf **Bumiputera** serta berdaftar sebagai kontraktor (kerja pembangunan) dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang** seperti butiran di bawah dengan pendaftaran masih sah tempohnya adalah di pelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:-

NO. TAWARAN	TAJUK PROJEK	SIJIL KELAYAKAN	MAKLUMAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
PHN. PHG. 69/2019 (PSN TGH)	Perkhidmatan Penubuhan Tanaman Kawasan Lapang (Kawasan Penerokaan Haram) Blok A Di Kompartmen 76; Blok D & E Di Kompartmen 75 Dan Blok F Di Kompartmen 74 & 75, Hutan Simpan Chini, Daerah Temerloh/Bera Seluas Lebih Kurang 22.4 Hektar.	Sijil Pendaftaran Kontraktor Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Dan Pendaftaran Kementerian Kewangan Kod Bidang 222104	Tarikh: 13 Jun 2019 (Khamis) Masa: 8:30 pagi Tempat berkumpul: Pejabat Hutan Kecil Renj Bera, Triang.	27 Jun 2019 (Khamis)
PHN. PHG. 70/2019 (PSN TGH)	Perkhidmatan Membekal Dan Menanam Anak Pokok Serta Kerja-kerja Berkaitan Permulihan Habitat (Penubuhan) Di Kawasan Sub Blok A, Kompartmen 83 Dan 85, Hutan Simpan Chini, Daerah Temerloh/Bera Seluas Lebih Kurang 100 Hektar.	Sijil Pendaftaran Kontraktor Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Dan Pendaftaran Kementerian Kewangan Kod Bidang 222104	Tarikh: 13 Jun 2019 (Khamis) Masa: 8:30 pagi Tempat berkumpul: Pejabat Hutan Kecil Renj Bera, Triang.	Masa 12:00 Tengahari

2. Pelesen/Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi Taklimat/Lawatan Tapak pada tarikh tersebut dan dinasihatkan untuk menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4X4) bagi tujuan lawatan tersebut.
3. Hanya penama dalam lesen sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak. Walau bagaimanapun wakil yang diberi kuasa oleh pemegang lesen dibenarkan hadir untuk mewakili pelesen berkenaan bagi tujuan tersebut.
4. Borang Sebutharga boleh di beli di **Kaunter Hasil, Bahagian Operasi, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak** mulai **pada 18 Jun 2019 (Selasa)** dengan menyertakan wang pos berharga **RM 20.00 senaskah** yang di buat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.
5. Hanya Pelesen/Kontraktor yang hadir semasa lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membeli Borang Sebutharga. Pelesen/Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Kewangan, Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembangunan Hutan (JPN.PHG)** yang masih sah laku tempohnya.
6. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh di muat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu **<http://forestry.pahang.gov.my>**.
7. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di **Pejabat Perhutanan Negeri** dan surat mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.
7. Tarikh tutup bagi sebutharga ini adalah pada **27 Jun 2019 (Khamis) jam 12.00 tengahari**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:
Unit Silvikultur Zon Pahang Tengah
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
(Bahagian Pembangunan)
Bukit Sekilau
25200 Kuantan

.....
(NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI)
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Pahang Darul makmur.

Tarikh: